



"Menghayati Kecemerlangan,
Membudayakan Kualiti"

27 Januari 2006

MAJLIS UCAPTAMA TAHUNAN REKTOR



Majlis Ucapnama Tahunan Rektor 2006 bertukar mesej. 'Menghayati Kecemerlangan, Membudayakan Kualiti' merupakan kata-kata keramat yang bakal menjadi kemudi kepada perjuangan warga KUKUM bagi setahun berikutnya. Namun 'Terus Mengemudi Tenaga dan Upaya' harus terus melekat di hati semua staf dan pelajar KUKUM kerana kata-kata itulah yang membawa kita ke tahap ini selama hampir 3 tahun.

Majlis Ucapnama Tahunan Rektor 2006 dimulakan dengan perarakan masuk Y. Bhg. Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM dengan diiringi oleh Pegawai-pegawai Utama Universiti ke dalam dewan. Seterusnya, semua staf diminta berdiri bagi sama-sama menyanyikan lagu WAWASANKU (lagu rasmi KUKUM) bagi membuka majlis ini. Majlis diteruskan dengan bacaan ikrar Rukun Negara yang diketuai oleh En. Mohd Najmuddin Bin Mohd Hassan, Presiden Kelab Kakitangan KUKUM.

Sebagai salah sebuah cara menyalurkan hasrat, cita-cita dan teguran kepada seluruh warga keluarga KUKUM, Dato' Rektor meletakkan harapan yang amat tinggi agar 'setiap kata dan bicara dapat dijadikan asas untuk kita bermuhasabah; tunduk merenung dan mengkritik diri, beriltizam atau komited untuk membetulkan setiap gerak langkah yang salah, mensyukuri setiap langkah kejayaan, dan positif memandang setiap detik yang bakal dilalui pada masa hadapan'.

Selain nasihat yang amat berguna yang telah disalurkan melalui ucapannya, beliau juga cuba membawa semua staf dan pelajar menghargai perjuangan yang telah dibuat bersama selama hampir 4 tahun ditubuhkan. Y. Bhg. Dato' Rektor juga membuat rumusan mengenai beberapa bidang pentadbiran yang dirasakan akan menyumbangkan peranan yang besar dalam masa setahun yang akan datang ini. Bidang seperti akademik dan pengantarabangsaan, serta penyelidikan dan inovasi adalah antara dua bidang yang menjadi agenda utama di dalam mengutuhkannya lagi situasi KUKUM di dalam kelasnya.

Y. Bhg. Dato' Rektor juga tidak ketinggalan menekankan mengenai kepentingan ilmu dan bahan bacaan di dalam kehidupan seharian, kegunaan pendidikan dan juga penyelidikan. Beliau mengingatkan mengenai nilai teras universiti kita yang mengandungi maksud 'sentiasa harus akan ilmu', 'suka dan cinta kepada ilmu', 'menghormati ilmu dan orang yang berilmu', 'suka menimba ilmu', 'suka menyelidik', 'suka menulis tentang ilmu', dan pelbagai perkara lain yang berkaitan dengan ilmu dan cabang kegunaannya yang sangat luas dan berguna.

Di dalam pengakhiran kata beliau, Y. Bhg. Dato' Rektor juga berterima kasih dan memohon supaya semua staf dapat terus bekerjasama dengan beliau di dalam pembangunan kampus dan meneruskan segala pencapaian yang telah dikecapi sebelum ini. Sesungguhnya sebagai menghargai jasa dan perahan keringat yang telah dicurahkan, semua yang terlibat dengan pencapaian cemerlang akan diberi ganjaran dan diraikan di dalam 'Anugerah Perkhidmatan Cemerlang' yang diadakan setiap tahun.

Dari segi pembangunan kampus pula, Y. Bhg. Dato' Rektor mengulas mengenai beberapa makmal dan pejabat pentadbiran baru telah dibuka di beberapa tempat yang sesuai di sekitar negeri Perlis. Dewan Kapitol KUKUM yang dahulunya sebuah panggung wayang, telah diubahsuai menjadi sebuah dewan yang bersifat akademik yang juga sesuai dijadikan dewan untuk pelbagai kegunaan. Selain itu, tapak kilang Dragon & Phoenix yang terletak di Jejawi juga telah diambil alih bagi menempatkan dua buah pusat pengajian yang baru ditubuhkan iaitu Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar. Pengambilalihan ini berlaku kerana kekangan tempat sedia dan juga kepentingan penyelesaian staf.

Majlis Ucapnama Tahunan Rektor 2006 ini telah dihadiri oleh staf dan pelajar KUKUM, termasuk Majlis Perwakilan Pelajar dan juga wakil-wakil persatuan pelajar. Turut hadir dan menyerikan majlis ialah Pengarah dan Pengetua IPT di negeri Perlis serta pihak media.

Disediakan oleh; Julinawati Suanda

2006

